

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28 FEBRUARY 2017

Maklum balas positif tambah kuota haji

BH - 28/2/2017

➔ Raja Salman pertimbang lebih mendalam permohonan penambahan

Oleh Magendran Rajagopal dan Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

✦ Putrajaya

Permintaan Malaysia bagi penambahan kuota jemaah haji mendapat maklum balas positif Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, baginda menyatakan perkara itu bagaimanapun perlu diberi pertimbangan secara lebih mendalam.

“Melihat kepada peranan Raja Salman sebagai Penjaga Dua Masjid Suci, sudah tentu pengurusan

jemaah haji adalah satu perkara amat penting dan sentiasa diberi perhatian berat oleh Kerajaan Arab Saudi.

“Malaysia begitu berterima kasih terhadap penambahan kuota lebih kurang 30,000 yang diberikan kepada jemaah pada tahun ini... dan atas permintaan kita untuk menambah kuota itu, Raja Salman amat positif.

“Namun, baginda mahu ia diberi pertimbangan secara lebih mendalam,” katanya pada sidang media selepas pertemuan tertutup dan mesyuarat dua hala bersama Raja Salman di Seri Perdana di sini, semalam.

Kerajaan Arab Saudi pada bulan

lalu mengumumkan pengembalian semula kuota jemaah haji Malaysia kepada 27,900 orang untuk musim haji tahun ini berbanding 22,230 orang sejak 2013.

Mohon dua pusat jemaah haji

Mengulas lanjut, Najib berkata, selain permohonan pertambahan kuota haji, Malaysia turut memohon kepada Raja Salman supaya dapat diwujudkan dua pusat bagi jemaah haji di Tanah Suci, iaitu berdekatan Masjidil Haram di Makkah dan Masjid Nabawi di Madinah.

Permohonan itu akan dipertimbangkan selanjutnya oleh Kerajaan Arab Saudi mengikut undang-un-

dang negara berkenaan, katanya.

“Undang-undang negara Arab Saudi menyatakan bahawa rakyat asing tidak boleh memiliki tanah di negara itu. (Kita akan lihat) sama ada mungkin kita boleh sewa dalam jangka panjang, itu akan diteliti oleh negara berkenaan.

“Selain itu, kita juga meneroka kemungkinan menambah perkhidmatan Sistem Metro yang disediakan Prasarana Malaysia Bhd (PRASARANA), mungkin ke Riyadh dan tempat lain (di Arab Saudi),” katanya.

PRASARANA kini menyediakan perkhidmatan bagi Sistem Metro Laluan Selatan Al Mashaer Al Muggaddassah di Arab Saudi.